



Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia  
马来西亚房地产发展商会  
Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia  
"Towards Sustainable Development"  
Responsive | Respected | Responsible | Relevant

**MEMBERS' CIRCULAR 12/2020**

To : All REHDA Members

From : Ir Tiah Oon Ling  
Secretary General

Cc : REHDA Branch Chairmen  
REHDA Branch Secretariats

Date : 14 July 2020

**RE : Application for Registration of Construction & Demolition Waste Management System (CWMS) for 2020 and Duty to Keep Records relating to Collection Services**

---

Dear Fellow Members,

Please be informed that the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) through SWCorp Malaysia has developed a new online system known as Construction and Demolition Waste Management System (CWMS) to ease developers/contractors in keeping records relating to collection services. The purpose of the system is to identify and collect data for construction waste generated at construction sites according to category as well as calculate the rate of waste in Malaysia. The data of construction waste would be a useful basis in planning for future waste management especially for the construction sector.

Therefore, developers/contractors are required to register and report their data on construction waste every month to SWCorp via link <http://cndwaste.swcorp.my/>. Failure to do so would result in fine not exceeding ten thousand ringgit (RM10,000) as stated in Clause 7, Solid Waste and Public Cleansing Management (Scheme for Construction Solid Waste) Regulations 2018.

We enclosed herewith, a letter from SWCorp for your kind attention and reference. Should you have any enquiries, please call SWCorp representatives, En Mohd Azrul Bin Azmi at 03-8312 4521 and En Mohd Azwan Bin Hj. Zahari at 03-8312 4565.

Thank you.

Yours sincerely

**REAL ESTATE AND HOUSING DEVELOPERS' ASSOCIATION MALAYSIA**

**IR TIAH OON LING  
SECRETARY GENERAL**



## PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Blok J, Bangunan MKN Embassy Techzone,

Jalan Teknokrat 2, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

Tel. : 03-8312 4000

Faks: 03-8312 4003

Web: [www.swcorp.gov.my](http://www.swcorp.gov.my)

Ruj. Kami : PSP.BSB.600-6 JLD.5(4)

Tarikh 29 Mei 2020

### SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

### PERMOHONAN PENDAFTARAN DATA PENJANAAN SISA PEMBINAAN DI TAPAK PEMBINAAN BAGI TAHUN 2020 MENERUSI SISTEM CWMS

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

- Selaras dengan penguatkuasaan **Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018 [P.U.(A) 279/2018]** bermula 1 Januari 2020, menerusi Klausu 7 Subperaturan (1) dan (3) telah menyatakan agar penghasil sisa pembinaan wajib menyimpan rekod yang berhubungan dengan perkhidmatan pemungutan sisa pembinaan di tapak pembinaan untuk diperiksa oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.
- Susulan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah membangunkan sistem Pengurusan Sisa Pembinaan dan Perobohan (**Construction and Demolition Waste Management System – CWMS**) bagi memudahkan pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk penyimpanan rekod perkhidmatan pemungutan sisa pembinaan di tapak bina secara dalam talian (*online*). Selain itu, penyediaan sistem ini juga bertujuan untuk mengenalpasti dan mengumpul data sisa pembinaan yang terjana di tapak pembinaan mengikut kategori serta kadar kitar semula sisa pembinaan di Malaysia. Data sisa pembinaan ini juga boleh digunakan sebagai asas dalam merancang kemudahan pengurusan sisa pepejal yang terbaik khususnya untuk semua sektor pembinaan masa hadapan.
- Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan perlu mendaftar dan mengemukakan data sisa pembinaan tersebut **pada setiap bulan** kepada pihak SWCorp melalui link <https://cndwaste.swcorp.my/>. Carta alir penggunaan sistem tersebut boleh dirujuk pada **Lampiran 1** bagi memudahkan pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan.
- Sekiranya terdapat kekangan dalam mendaftar dan mengisi data menerusi sistem tersebut, pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan juga boleh mengemukakan data secara manual dengan mengisi dan menghantar borang **Maklumat Projek Pembinaan (BD1)** dan borang **Rumusan Data Sisa Pepejal Pembinaan (BD2)** seperti yang dilampirkan. Borang BD2 ini perlulah diisi dan dikemukakan kepada pihak SWCorp melalui alamat yang tertera pada surat atau emel kepada [mohd.azrul@swcorp.my](mailto:mohd.azrul@swcorp.my) dan [azwan.zahari@swcorp.my](mailto:azwan.zahari@swcorp.my).



IBU PEJABAT Tel.: 03-8312 4000  
PERLIS Tel.: 04-976 9834  
MELAKA Tel.: 06-283 8953  
PAHANG Tel.: 09-566 3151

KUALA LUMPUR Tel.: 03-2245 9201  
PERAK Tel.: 05-5474 839  
JOHOR Tel.: 07-222 6476  
TERENGGANU Tel.: 09-822 0712

NEGERI SEMBILAN Tel.: 06-763 6030  
KEDAH Tel.: 04-785 4286  
KELANTAN Tel.: 09-747 0909

✉ [korporat@swcorp.my](mailto:korporat@swcorp.my)  
f [fb.com/swcorpMY](https://fb.com/swcorpMY)  
t @SWCorp\_my  
i @SWCorp\_my

TAJUK : PERMOHONAN PENDAFTARAN DATA PENJANAAN SISA PEMBINAAN DI TAPAK PEMBINAAN BAGI TAHUN  
2020 MENERUSI SISTEM CWMS

TARIKH : 29 MEI 2020

---

6. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi En Mohd Azrul Bin Azmi di talian 03-8312 4521 dan En Mohd Azwan Bin Hj. Zahari di talian 03-8312 4565. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(ISMAIL BIN MOHAMED)

Pengarah

Bahagian Sisa Binaan

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)